



RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 2/2019

28 Februari- 5 Mac 2019

DALAM NEGARA

- *Kuota Lot Bumiputera Dikurangkan 10%*
- *Perjanjian Sawit antara Malaysia-China*
- *Usaha Mengubah Naratif Sejarah Negara*
- *Facebook lobi pemimpin dunia termasuk Malaysia*

LUAR NEGARA

- *Pertemuan Rahsia Pengarah Perisik Sudan dan Mossad*
- *Campur tangan Israel dalam Konflik India-Pakistan*


IRIS
INSTITUTE

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

27 Feb — 5 Mac 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam dan luar negara khususnya dalam isu ekonomi, pendidikan, keselamatan siber dan politik luar negara. Rumusan berita dalam negara menyentuh isu pengurangan kuota lot hartanah Bumiputera di kawasan tapak perindustrian, China telah menandatangani perjanjian sawit antara Malaysia - China, kumpulan ahli sejarah yang ingin menulis semula sejarah negara dalam pendidikan nasional, dan cubaan facebook melobi negara untuk melawan undang-undang data privasi. Rumusan isu luar negara pula menyentuh campur tangan Israel dalam politik Sudan dan konflik India-Pakistan.

DALAM NEGARA



Jimmy Puah Wee Tse (DAP) berkata pengurangan kuota tersebut adalah atas kebimbangan pemaju projek terhadap lot tanah bumiputera yang tidak terjual. (Sumber: The Star)

Berita Dalam Negara

- Kuota Tanah Lot Bumiputera Dikurangkan 10%
- Perjanjian Sawit antara China dan Malaysia
- Usaha untuk Mengubah Sejarah Negara
- Facebook lobi pemimpin dunia termasuk Malaysia

Kerajaan negeri Johor telah **mengurangkan kuota lot hartanah Bumiputera di kawasan tapak perindustrian**. Menurut sumber The Star pada minggu ini, Kerajaan negeri Johor telah mengurangkan 10% kuota lot hartanah Bumiputera bagi tapak perindustrian. Hal ini berikutan sebuah kenyataan oleh Jimmy Puah Wee Tse (DAP) selaku Exco Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Dan Utiliti Johor yang menyatakan pemaju projek perindustrian menyuarakan kebimbangan terhadap lot tanah yang tidak terjual, sekali gus meminta bantuan kerajaan negeri mengatasi masalah berkenaan. Sehubungan itu, kerajaan negeri Johor memutuskan untuk mengurangkan kuota bumiputera dari 40% sebelum ini kepada 30% bermula Februari 2019. Katanya lagi, keputusan itu

diambil kerana kadar pengambilan lot Bumiputera yang rendah di kawasan perindustrian, iaitu hanya 2% atau lebih rendah.

Pengurangan kuota bumiputera ini selari dengan beberapa kenyataan di peringkat negeri dan Pusat pada sebelum ini. Pada 13 Feb 2018 yang lalu Ahmad Faizal Azumu selaku Menteri Besar Perak mengumumkan untuk melepaskan kuota bumiputera yang tidak terjual berkuat kuasa 1 April 2018. Sementara itu, pada 23 Ogos 2018, Tan Kok Yew (DAP) yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Kedah berkata sudah tiba masanya bagi kerajaan negeri mempertimbangkan untuk memberi pelepasan terhadap unit

“Kerajaan negeri Johor memutuskan untuk mengurangkan kuota bumiputera dari 40% sebelum ini kepada 30% bermula Februari 2019

kediaman dan komersial lot Bumiputera yang siap dibina semenjak Disember 2016 yang gagal terjual di pasaran. Di peringkat pusat pula, menurut sumber FMT bertarikh 9 Disember 2018, Kerajaan akan mengkaji untuk memansuhkan diskaun lot Bumiputera bagi hartanah bernilai Rm 1 juta.

Dalam masa yang sama, selepas beberapa tempoh serangan ke atas isu sawit Malaysia, baru-baru ini China telah menandatangani perjanjian sawit antara Malaysia - China. Menurut sumber The Edge, Malaysia dan China menandatangani perjanjian sawit bernilai US\$891 juta yang melibatkan 1.62 juta tan kelapa sawit akan diimport dari Malaysia ke China. Perjanjian ini disaksikan oleh Teresa Kok, Menteri Industri Utama dan Bai Tian, Duta China ke Malaysia di majlis Forum Perniagaan Kelapa Sawit Malaysia-China.

Ianya melibatkan empat buah perjanjian utama. Perjanjian yang paling besar melibatkan perjanjian antara Yihai Kerry (Shanghai) International Trade Co Ltd dengan PGEO Marketing Sdn Bhd yang akan membekalkan sebanyak 1.3 juta tan sawit. Menurut sumber terbuka, Yihai Kerry adalah sebuah perusahaan pelaburan oleh Wilmar International Limited di China. Manakala PGEO Marketing Sdn Bhd yang berada di bawah PGEO Group pula adalah sebuah perniagaan agrobisnes terbesar di Asia yang juga dimiliki oleh Wilmar International Limited. Umum mengetahui pemilik Wilmar International Limited yang berpangkalan di Singapura adalah dimiliki oleh Tan Sri Robert Kuok yang merupakan ahli di dalam Council of Elders (CoE).

Tiga perjanjian yang lain adalah antara Yantai Tianmao Edible Ltd Co dengan Sime Darby Plantation Bhd sebanyak 100,000 tan sawit, perjanjian Yizheng Fangshun Industry Ltd Co dengan SOP Edible Oils Sdn Bhd sebanyak 100,000 tan sawit, perjanjian Yizheng Fangshun Industry Ltd Co dengan Cacao Paramount Sdn Bhd (subsidiari Teck Guan Group) sebanyak 120,000 tan sawit.


Di samping itu, dalam isu pendidikan terdapat sebuah **kumpulan ahli sejarah yang ingin menulis semula sejarah negara** yang akan digunakan sebagai kurikulum nasional Malaysia.



“Malaysia dan China menandatangani perjanjian sawit bernilai US\$891 juta yang melibatkan 1.62 juta tan kelapa sawit akan diimport dari Malaysia ke China.

“Kami mahu generasi akan datang mengetahui sejarah sebenar Malaysia. Malaysia hari ini adalah hasil sumbangan semua kumpulan etnik. Sejarah harus ditulis seperti sepatutnya... Setiap kumpulan etnik memainkan peranan’

-Ranjit Singh



Garis masa cubaan Mengubah Naratif Sejarah Negara

Kumpulan tersebut terdiri daripada Ranjit Singh Malhi selaku perunding pengurusan kumpulan menulis semula sejarah, Sivachandralingam Sundara Raja yang sebelum ini merupakan bekas Ketua Jabatan Sejarah UM, dan dua orang editor iaitu Khoo Kay Kim dan Shamsul Amri Baharuddin.

Tujuan penulisan semula sejarah negara dikatakan perlu kerana didakwa kurang mewakili kumpulan minoriti tertentu di samping mengandungi rujukan yang tidak berwibawa. Projek penulisan semula sejarah negara akan memakan masa selama empat tahun dan didanai oleh penaja sektor swasta dengan pembiayaan sekitar RM 4-5 juta.

Hasil penulisan tersebut akan diterbitkan sebagai sebuah buku sejarah Malaysia dalam bahasa Inggeris serta buku sejarah bagi setiap tingkatan 1 hingga tingkatan 5 bagi Sekolah Menengah. Sebelum ini wujud khabar di media sosial di mana terdapat "pasukan de facto DAP" yang ingin mengubah sejarah negara. Namun begitu khabar tersebut telahpun dinafikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan alasan kurikulum dan buku teks termasuk Sejarah akan diteliti semula berdasarkan pandangan dan laporan akhir daripada MPPK dan JKD.

Sementara itu, turut menarik perhatian dalam dunia keselamatan siber adalah usaha **Facebook cuba melobi pemimpin dunia untuk merangka dasar penyimpanan data yang memihak Facebook**. Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan The Guardian, Facebook didakwa cuba melobi ahli politik seluruh dunia untuk merangka undang-undang berkaitan dengan data

peribadi. Mereka didakwa menawarkan pelaburan dan insentif sebagai timbal balik supaya undang-undang yang berkait data peribadi dirangka untuk memihak kepadanya. Malaysia adalah antara negara yang disasarkan dalam operasi rahsia pelobian global selain daripada UK, Amerika Syarikat, Kanada, India, Vietnam, Argentina, Brazil dan kesemua 28 buah negara di Kesatuan Eropah (EU). Facebook didakwa menawarkan kepada Malaysia dan Kanada dengan pembinaan pusat data dan prospek untuk menambah peluang pekerjaan sebagai timbal balik mendapatkan jaminan legislatif daripada Malaysia.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo dalam satu kenyataan menjawab dakwaan tersebut dengan menegaskan bahawa kerajaan akan memastikan privasi dan keselamatan data rakyat terjaga. Namun mengakui kerajaan menerima pelbagai cadangan dan idea dalam siri perangkaan semula polisi berkait data.



“Lots of people approach Malaysia with all sorts of ideas and a lots of suggestions, but our position is very, very clear. We are now formulating policies when it comes to data. But I think at the end of the day, at the top most on our minds, is to ensure that there is privacy and security.

-YB Gobind Singh

Walaupun bagaimanapun, kenyataan tersebut dilihat berlapik dan tidak menafikan bahawa kerajaan akan menolak tawaran daripada Facebook tersebut.

Sebelum ini, Facebook dikaitkan dengan cubaan melobi beberapa ahli politik seluruh Eropah dalam operasi strategik untuk memansuhkan undang-undang perlindungan data dibawah GDPR. Ini termasuklah dakwaan bahawa bekas Perdana Menteri Ireland, Enda Kenny yang memberi tawaran untuk menggunakan pengaruh kuat Ireland di Eropah bagi melobi Kesatuan Eropah (EU) dalam isu tersebut sebagai penghargaan kepada Facebook membawa masuk peluang pekerjaan kepada Ireland. Facebook melalui Ketua Pegawai Operasinya, Sheryl Sandberg juga didakwa melobi bekas canselor UK, George Osborne dengan menggesa beliau melibatkan diri secara aktif dalam perdebatan undang-undang perlindungan data EU tersebut bagi melindungi model perniagaannya itu. Namun buat masa ini, tiada respon daripada Enda Kenny dan George Osborne berkait isu tersebut.

LUAR NEGARA

Keselamatan Luar Negara



Salah Gosh, ketika berada di sebuah rumah di Khartoum pada tahun 2013 iaitu selepas dibebaskan dari penjara kerana terlibat dalam plot melakukan rampasan kuasa Presiden Sudan. (Gambar Ihsan: AFP)

Berita Luar Negara

- Pertemuan Rahsia Pengarah Risikan Sudan dan Perisikan Mossad
- Campur tangan Israel dalam Konflik India-Pakistan

Middle East Eye **melaporkan Salah Gosh (Pengarah Perisikan Sudan) telah mengadakan sebuah mesyuarat bersama Yossi Cohen (Pengarah Mossad)** dan sekutu negara arab – Israel (Arab Saudi, UAE dan Mesir) yang diadakan di Munich Security Conference pada 15 – 17 Februari 2019. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan pengganti kepada Presiden Sudan di mana sekutu negara – arab Israel menginginkan supaya Salah Gosh yang merupakan sekutu mereka dipilih sebagai Presiden Sudan. Turut menjadi agenda pertemuan adalah untuk membawa Israel bersama bagi melobi sokongan US kepada peralihan kuasa yang dirancang. Menurut sumber juga, Salah turut bertemu dengan pengarah risikan Eropah dan Ketua agensi – agensi media.

Salah Gosh merupakan individu yang sangat rapat dengan US di mana sebelum ini Salah pernah mempunyai rekod bekerjasama dengan US bagi projek War on Terror melawan al-Qaeda serta menyalurkan maklumat risikan gerakan Ikhwanul Muslimin dan gerakan al-Shabaab di Somalia dan Libya ke US. Isu pertemuan ini timbul apabila

Gosh dikatakan sangat rapat dengan US kerana mempunyai rekod lampau yang aktif di dalam projek-projek US.

Omar al-Bashir selaku Presiden Sudan meletakkan jawatan sebagai Presiden Parti Kongres Kebangsaan (NCP) dan melantik Ahmed Harun sebagai pemangku bagi menghadapi pilihanraya Presiden pada tahun 2020.

Dalam masa yang sama **campur tangan Israel juga turut dilihat berada dalam konflik perang India – Pakistan**. Portal The Independent melaporkan Israel telah menjadi pembekal sumber persenjataan terbesar kepada India sebagai timbal balik kerjasama India dalam projek melawan ekstremis Islam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan India telah membuat kenyataan pada 26 Februari 2019 melalui setiausaha luar India, Vijay Gokhale di mana permulaan serangan ketenteraan oleh India kepada Pakistan disebabkan kelemahan Pakistan dalam membendung isu terrorism. Dilaporkan juga, bom Rafael Spice-2000 yang digunakan bagi serangan ke atas wilayah Pakistan yang didakwa menjadi pusat kepada gerakan Jaish-e-Mohammed (JeM) merupakan bom yang dibuat menggunakan teknologi Israel. Dalam perkembangan terbaru, India yang didokong oleh Israel akan melancarkan serangan yang berterusan kepada Pakistan dalam bentuk serangan udara, darat dan peluru berpandu diikuti dengan serangan berbentuk ekonomi.

IRIS Institute

Interdisciplinary Research and International Strategy

Bandar Baru Bangi

No 6-23-3A, Jalan Medan,
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor

